

Contohi sikap pemaaf Nabi Muhammad




Bersama Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin

Baginda SAW ke atas pembesar suku kaum Tsaqif bukan Islam yang tidak hanya menghalau Baginda keluar dari kota Taif dengan kata-kata kasar tetapi dilempar batu sehingga berdarah oleh pemuda Tsaqif.

Dalam keadaan Baginda SAW yang masih bersedih kerana baru kehilangan dua insan amat disayangi dan paling banyak berjasa iaitu isteri kesayangan, Khadijah RA dan bapa saudaranya, Abu Talib dalam tahun yang sama, Baginda tidak bertindak kasar terhadap mereka.

Malah, Baginda SAW mendoakan agar kaum Tsaqif diberikan hidayah Allah SWT: "Ya Allah, berilah petunjuk kepada kaumku kerana mereka belum mengetahui (kebenaran)."

Sesungguhnya sikap kasih yang amat besar mendominasi diri Baginda SAW walaupun berada dalam keadaan yang mendukacitakan. Ia tidak sesekali mengganggu



TAIF kini terkenal sebagai tempat pelancongan yang cantik di Arab Saudi.

Baginda dalam mengambil tindak balas secara tidak berakhlak.

Dalam satu peristiwa yang diriwayatkan Imam Bukhari, daripada Jabir bin Abdullah RA berkata: "Satu jenazah lalu di hadapan kami, lalu Nabi SAW berdiri kerananya dan kami pun berdiri.

"Kami bertanya: Wahai Rasulullah, jenazah itu adalah jenazah orang Yahudi. Baginda bersabda: Jika kamu melihat jenazah, maka berdirilah!" Daripada riwayat ini kita

dapat melihat bagaimana Baginda SAW menghormati sesiapa pun kerana menyedari bahawa semua manusia adalah ciptaan Allah. Baginda dalam hal ini juga tidak membezakan agama jenazah terbabit.

Sikap menghormati jenazah seorang Yahudi ini memperlihatkan toleransi Baginda SAW, lebih-lebih lagi ke atas bukan Muslim yang masih hidup.

Satu lagi sikap toleransi ke atas bukan Muslim dapat dilihat pada peristiwa pembebasan atau

pembukaan kota Makkah (Fath Makkah). Baginda SAW juga menunjukkan toleransi yang sangat indah.

Penduduk Makkah yang sebelum itu memusuhi Baginda berasa takut. Sebab sebelum pembukaan itu umat Islam sering ditindas oleh kaum Quraisy Makkah yang bukan Muslim sehingga berlaku pemulauan ke atas mereka.

Mereka bukan sahaja menghalang dakwah Baginda SAW, bahkan ingin membunuhnya dalam

beberapa peristiwa. Bagaimanapun, setelah pembukaan kota Makkah, Baginda memaafkan perbuatan orang Makkah. Baginda tidak menyimpan dendam atau membalas tindakan mereka.

Padahal pada masa itu Baginda SAW memiliki segala kekuasaan dan boleh melakukan apa sahaja yang dikehendaki. Namun, ia bukan pilihan diri Baginda untuk menjadi sombong atau bertindak sewenang-wenangnya.

Baginda bersabda (mafhumnya): "Saya hanya katakan kepada kamu sebagaimana ucapan Nabi Yusuf AS kepada saudaranya, 'tiada celaan atas kamu pada hari ini.' Pergilah! Kamu semua bebas." (Riwayat Baihaqi)

Begitulah mulianya akhlak Baginda dan toleransi yang dipamerkan untuk ikutan kita semua.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM

Nabi Muhammad SAW adalah seorang tokoh teladan terbaik bagi memperlihatkan kepada kita sikap toleransi sesama manusia.

Baginda tidak sewenang-wenangnya bertindak kasar dan keras. Baginda mempamerkan sikap penyabar, pemaaf dan menghormati yang lain.

Bukan sekadar pemaaf tetapi lebih daripada itu iaitu dengan mendoakan mereka yang berbuat kejahatan sekalipun menyebabkan kecederaan ke atas dirinya.

Peristiwa Baginda SAW bersama-sama anak angkatnya, Zaid bin Haritsah ke Taif banyak memberikan pengajaran kepada kita makna toleransi yang sebenar.

Hal ini khususnya bagaimana tindak balas